

Anjuran Bersama



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



Dengan Kerjasama

JHEPA



FAKULTI  
BAHASA DAN  
KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

BUKU PROGRAM & ABSTRAK

PABM-VI 2019

<https://pabmvi2019.wixsite.com/pabmvi2019>

PERSIDANGAN  
ANTARABANGSA

# MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

27 - 28  
September 2019

Scholar's Suites, Kampus Sultan Azlan Shah  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **SEULAS PINANG**



### **YBHG. PROFESOR DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya juh, Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu kali ke-6 dapat dilaksanakan di Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Turut berlangsung pada masa yang sama ialah Pertandingan Pidato Antarabansa Bahasa Melayu bagi kali yang ke-13.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua peserta yang terlibat dalam persidangan ini dan juga pihak pengajur, iaitu Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Halehwal Pelajar UPSI kerana berjaya menganjurkan persidangan ini.

Persidangan ini dapat dijadikan wadah pemugaran ilmu dan perancangan bagi mempergiarkan usaha memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa. Saya percaya usaha ini tidak berakhir dengan tamatnya persidangan ini, tetapi akan terus dilanjutkan menerusi perkongsian ilmu dan kepakaran dalam kalangan ahli akademik dan sarjana dari pelbagai negara. Inilah misi yang perlu diutamakan jika kita ingin melihat bahasa Melayu berada pada kedudukan yang tinggi di peringkat antarabangsa.

Saya mendoakan, semoga persidangan ini berjalan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Selamat bersidang.

**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR B. SABRAN**

## SEKAPUR SIRIH



Y. BHG. DATUK IR DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR  
KETUA PENGARAH, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera.

Alhamdulilah, syukur dan segala puji dipersembahkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan kurnia dan izin-Nya, kita semua dapat menghadiri Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Kali Ke-6 yang berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Suka saya tegaskan bahawa persidangan atau apa-apa juga seminar yang dianjurkan merupakan wadah pemugaran dan penyebaran ilmu yang amat penting bagi kita semua. Inilah medan wacana yang ditradisikan daripada falsafah dan makna iqra'. Tanpa wacana, proses pengembangan ilmu boleh terbantut, kepandaian tidak dapat dizahirkan dan kebijaksanaan tidak dapat dibudayakan. Oleh sebab itu, berseminar dan berpersidangan bukan sekadar membentang kertas kerja dan melontar buah fikir, tetapi merupakan suatu usaha akademik peringkat tinggi untuk membuka pintu pengetahuan lebih luas yang dapat membijaksanakan manusia.

Marilah kita memanfaatkan persidangan ini dengan tekad dan semangat keilmuan tinggi supaya manfaatnya dapat diraih oleh ramai manusia, khususnya yang berkaitan dengan bidang ilmu bahasa Melayu dan pengajarannya.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jabatan Hal Ehwal pelajar dan Alumni, UPSI dan khususnya Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sedia berkerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjayakan persidangan ini.

Sekian, terima kasih.

Y. BHG. DATUK IR DR. SITI HASIMAH BINTI TAPSIR

## SEMANIS KATA



**PROFESOR DR. MD AMIN BIN MD TAFF  
TIMBALAN NAIB CANSelor  
(HAL EHWAJ PELAJAR DAN ALUMNI)  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertamanya saya panjatkan setinggi kesyukuran ke Hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya juga, Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Kali Ke-6 dapat direalisasikan pelaksanaannya. Bagi pihak Universiti, saya mengalu-alu kehadiran para pembentang dan peserta ke persidangan ini.

Sejak sekian lama, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mewarisi sejarah kegemilangan Sultan Idris Training College (SITC) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dalam memperjuang, mengangkat tinggi dan memartabatkan bahasa Melayu di negara ini. Kegemilangan ini diteruskan pula oleh UPSI yang ditunjangi usahanya oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Sudah tentu, peranan yang dimainkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi ini bukan sahaja sebagai pusat pengajian ilmu tetapi sebagai penerus tradisi kegemilangan dan pusat rujukan pendidikan bahasa Melayu terpenting di Malaysia.

Persidangan yang berlangsung ini adalah salah satu daripada misi UPSI dan fakulti untuk mendepani cabaran bahasa Melayu di negara ini dan juga di persada antarabangsa. Saya berharap persidangan kali ini juga dapat membuka lebih luas jaringan kerjasama dalam kalangan ahli akademik dan juga institusi pengajian tinggi dalam rangka meningkatkan keberadaan UPSI dalam peta dunia.

Sekian, terima kasih.

Selamat bersidang.

**PROF. DR. MOHD AMIN MD TAFF**

## SEJUJUR BICARA



**PENGERUSI  
PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU  
KEENAM 2019  
MERANGKAP DEKAN FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI**

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Syukur Alhamdulillah, kerana perancangan untuk menjayakan Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Kali Keenam tahun 2019 ini dapat dilaksanakan pada hari ini. Pelaksanaan persidangan pada tahun ini lebih bermakna kerana diadakan serentak dengan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu kali yang ke-13 bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Persidangan tahun ini mendukung tema ‘Pengajian Melayu Merentas Sempadan’ berpaksi pada beberapa subtema, iaitu bahasa Melayu, kesusasteraan Melayu, bahasa Serumpun, pendidikan, seni dan budaya serta perbandingan bahasa. Dengan tema dan subtema yang dikemukakan ini, kami berharap persidangan kali ini dapat membawaikan idea-idea baharu serta meningkatkan hubungan pelbagai hala menerusi pembentangan kertas kerja, forum dan sesi perbincangan.

Secara khusus, Fakulti Bahasa dan Komunikasi sentiasa memandang jauh ke hadapan dalam konteks memperkasakan pendidikan bahasa Melayu, memaju dan mengembangkannya sebagai satu bidang ilmu berprestij merentas sempadan geografi, budaya dan politik.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berganding bahu bekerjasama, iaitu Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Pendidikan Sultan Idris serta Kementerian Pendidikan Malaysia, para pembentang, peserta dari dalam dan luar negara, mahasiswa dan mahasiswi serta orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan persidangan ini.

Sekian, terima kasih.

PROF. DR. MAHZAN ARSHAD

## LATAR BELAKANG

- 1.1 Bersempena dengan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2019 yang akan diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mencadangkan pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) untuk bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) untuk mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2019.
- 1.2 Tema yang akan diketengahkan dalam persidangan ini ialah ‘Pengajian Melayu Merentas Sempadan’. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa subtema yang telah dikemukakan, iaitu Bahasa Melayu, Kesusastraan Melayu, Bahasa Serumpun, Pendidikan dan Seni dan Budaya.

## OBJEKTIF

- 1.1 Mengangkat dan menyebarluaskan kepentingan Pengajian Melayu sebagai suatu bidang ilmu.
- 1.2 Perkongsian dan penambahan ilmu berkaitan dengan Pengajian Melayu yang merangkumi bidang bahasa Melayu, Kesusastraan Melayu, Bahasa-bahasa Serumpun, Pendidikan dan Seni Budaya Melayu.
- 1.3 Menghasilkan dokumen persidangan berbentuk penerbitan dan sebaran media sosial berkaitan kepentingan dan kemajuan bahasa Melayu, Kesusastraan Melayu, Bahasa-bahasa Serumpun, Pendidikan dan Seni Budaya Melayu.

## TEMA PERSIDANGAN

Merangkumi aspek Bahasa Melayu, Kesusastraan Melayu, bahasa serumpun, pendidikan bahasa, seni dan budaya, dan perbandingan bahasa.

## ATUR CARA DAN JADUAL PEMBENTANGAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU KEENAM 2019

HARI PERTAMA: 27 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)

MAJLIS PEMBUKAAN (Tempat: Dewan Muallim, Scholar's Suites)	
8.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>Pendaftaran Peserta</li></ul>
8.45 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>Ketibaan Tetamu Jemputan</li></ul>
9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>Nyanyian lagu Negaraku &amp; Malaysia Bersih</li></ul>
9.10 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>Bacaan Doa</li></ul>
9.20 pagi	<ul style="list-style-type: none"><li>Ucapan alu-aluan oleh Pengurus Persidangan Merangkap Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi</li><li>Ucapan Perasmian oleh Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)</li></ul>
	<ul style="list-style-type: none"><li>Persembahan Tarian Menyambut Tetamu –Sayau Ponuau-suau- oleh pelajar Program Kadazandusun</li><li>Majlis Pertukaran cenderamata</li></ul>
10.00 pagi	MINUM PAGI

**FORUM  
AHLI PANEL:**

Prof Emeritus Dr. Abdullah Hassan  
(Tajuk: Penerbitan dan Terjemahan Bahasa Melayu Antarabangsa)

10.30 - 12.10  
Tengah hari

Dewan Mualim

Dr. Suraiya Chapakiya (Universiti Fatoni, Thailand)  
(Tajuk: Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu sebagai Wahana Memartabatkan Bahasa Melayu Di Selatan Thailand)

Profesor Emeritus Dr Bukhari Lubis  
(Tajuk: Menjengah Keluar Menggamit Ke Dalam)

Dato' Aziz Deraman  
(Tajuk: Kesedaran dan Potensi Bahasa Melayu di ASEAN)

Moderator: Prof. Dr. Abdul Rasid Jamian

12.10 Tengah hari

**MAKAN TENGAH HARI**

**SESI SELARI 1**

(27 September 2019)

MASA & TEMPAT	SESI SELARI 1A	SESI SELARI 1B
2.45-3.45 petang  Bilik A - D	Pengaruh Kebudayaan Hindu India Terhadap Folklore Melayu di Malaysia (Hasrina Baharum) -Pengerusi sesi	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun: Isu dan Cadangan Pemantapan (Rosliah Kiting)-Pengerusi sesi
	Leksikal dan Jantina dalam Membentuk Identiti Kenegerian Penutur (Mashetoh Abd Mutalib, Hishamuddin Isam & Ahmad Fuad Mat Hassan)	Leka Main Tanya Indu (Puisi Adat Meminang) :Struktur, Fungsi dan Nilai Dalam Masyarakat Iban (Jamu Anak Galeh & Chemaline Anak Osup)
	Refleksi Konflik Sosial dalam Novel-novel Matriark: Perspektif Marxist (Midiyana Mohamad)	Sempama: Satu Bentuk Perumpamaan Masyarakat Iban (Chemaline Anak Osup)
	Penyelewengan dan Kepincangan dalam Novel Melayu: Realiti atau 'Keizinan dan Kemenangan' (Phat a/l Awang Deng)	Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Iban (Philip Anak Michael Meggong& Chemaline Anak Osup)
	SESI SELARI 1C	SESI SELARI 1D
	Kesalahan Tatatabahasa dalam Ucapan Guru Semasa Perhimpunan Rasmi Sekolah (Minah Sintian & Athira Najwa Zakaria)- Pengerusi sesi	The Interpretations Of Praise And Its Meanings In Iban Invocation Poems Timang Kenyalang (Rosline Sandai)- Pengerusi sesi
	Tinjauan Penggunaan Ungkapan Darjah Penghabisan Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia (Yusniza Yaakub, Hishamuddin Isam & Faizah Ahmad)	Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu: Wahana Memartabat Bahasa Melayu (Mazlena Mohd Hussain & Saodah Wok)
	Isu Pengenalpastian Subjek Tatatabahasa Dalam Wacana (Sanat Md. Nasir& Siti Hajar Abdul Aziz)	Parent's responses towards children's ability to write, read, talk and make friends in an early literacy apprenticeship (Siti Nor Amalina, Azizah Zain& Mazlina Che Mustafa)
	Impak Pembelajaran Berbalik terhadap Penyediaan Bahan Pembelajaran Pelajar Berkeperluan Khas terhadap Perasaan, Motivasi dan Kreativiti Pelajar Linguistik (Norhaniza Abdul Khalil)	Memahami Fungsi Kesusastraan Berasaskan Konsep Keadaman (Abdul Halim Ali)

## SESI SELARI 2

MASA & TEMPAT	SESI SELARI 2A	SESI SELARI 2B
3.45 - 4.45 petang  Bilik A-D	Bahasa Emosi Wanita Melayu dalam Analisis Novel Zaharah Nawawi (Nordiana Hamzah)- <b>Pengerusi sesi</b>	Realisasi Tulisan Jawi Dalam Manuskrip Melayu (Makmur Haji Harun- Sitti Rachmawati Yahya & Norazimah binti Zakaria)- <b>Pengerusi sesi</b>
	Manifestasi Kepengarangan Harkat Maya dalam Menyantuni Seni Bahasa Melalui Tiga Tahap Akal Budi (Ani Binti Haji Omar)	Pemuliharaan Mural Kaligrafi Sebagai Warisan Seni dan Budaya Melayu: Satu Kajian Di Masjid-Masjid Sekitar Daerah Kuching, Sarawak (Mohd Azhar Ali) ✓
	Analisis Keperluan Pengguna Sasaran Modul Produksi Teater Dalam Pdpc Genre Drama Terhadap Kreativiti Murid Kesusastraan Melayu (Amir Zahari& Fadzilah Amzah)	Pengajaran Tulisan Jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris: Isu dan Cabarannya (Mahzan Arshad)
	Pemikiran Siti Zainon Ismail dalam Buku Bergambar Kanak-kanak : Siri Sahabat Siti Kecil (Kaithiri Arumugam & Rohaya Md Ali)	Proses Pengglotisan Dalam DMP (Suraiya Chapakiya)
	SESI SELARI 2C	SESI SELARI 2D
4.45 Petang	Bahasa Figuratif dalam Klip Filem Adaptasi sebagai Bahan Pengajaran Bahasa Melayu (Ariff Mohamad)- <b>Pengerusi sesi</b>	Trend dalam Pengajaran Bahasa: Sorotan Kajian Bersistematis (Zulkifli Osman& Anida Sarudin) – <b>Pengerusi sesi</b>
	Pemaknaan Peristiwa Sejarah dalam Novel Tun Tuah (Mohd Haniff& Mohammad Yusoff)	Pengaruh Dialek Dalam Pemerolehan Bahasa Melayu Wanita Cacat Pendengaran Di Negeri Perlis: Analisis Perkataan Air. (Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim)
	Analisis Keberkesanan Teknik Hafalan Kosa Kata Terhad Bertena dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu oleh Penutur Asing (Sabariah Sulaiman)	Kesantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar di UUM (Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam& Mashetoh Abd. Mutalib)
	Variasi Vokal /o/ dan /e/ Dialek Kelantan dalam Komunikasi Whatsapp (Azrizan Abu Bakar & Karim Harun)	Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional: Peningkatan Kesantunan Bahasa Pelajar Jurusan Bahasa di Institusi Pengajian Tinggi, Malaysia (Rosmaria Omar, Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Rozita Radhiah Said)
<b>MINUM PETANG</b>		

## **Keunggulan Kepengaran Novel-novel Terpilih Anwar Ridhwan**

*Mohamad Rosmizi bin Mahamad*

*rosmizimahamad@yahoo.com*

*Ghazali Din*

*ghazalidin@gmail.com*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

### **Abstrak**

Kajian ini akan meneliti keunggulan kepengarangan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang akan dianalisis menggunakan Teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Secara khusus, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua novel tersebut yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan pengarangnya melalui Teori Teksdealisme. Selain itu, kajian ini turut mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan Teori Tekdealisme. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dikarang oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke-10. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Secara holistiknya, kajian ini mengaplikasikan empat prinsip yang mendukung Teori Teksdealisme yang menampilkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dan menemukan konsep keunggulan baharu bagi mencerminkan keunggulan kepengarangan. Kajian ini merumuskan secara keseluruhan dari segala aspek bagi mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan sebagai tokoh penulisan sastera yang unggul. Akhir sekali, kajian ini memberi implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas memahami proses pengarang mempertingkatkan karya bagi mencapai tahap unggul.

Kata kunci: Keunggulan kepengarangan; Novel; Anwar Ridhwan; Teori Teksdealisme

## **Pemuliharaan Mural Kaligrafi Sebagai Warisan Seni dan Budaya Melayu: Satu Kajian Di Masjid-Masjid Sekitar Daerah Kuching, Sarawak**

*Mohd Azhar bin Ali*

*amazhar@unimas.my*

*Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*

### **Abstrak**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian bagi mengetahui perancangan awal pemuliharaan mural kaligrafi yang terdapat di dinding-dinding masjid sekitar daerah Kuching, Sarawak. Mural kaligrafi merupakan satu cabang seni yang sinonim dalam warisan budaya Melayu dan banyak tertumpu di masjid-masjid. Keperluan pemuliharaan mural kaligrafi ini sering dipinggirkan ekoran kurangnya pengetahuan berkenaan kaedah penulisan dan bahan yang digunakan. Kajian ini mengetengahkan pendekatan bagi memulihara seni kaligrafi ini agar tidak lups oleh modenisasi terutamanya yang telah wujud sejak awal pembinaan sesebuah masjid dan melibatkan sentuhan penulis kaligrafi yang hebat. Mural kaligrafi ini perlu dihargai sebagaimana bangunan sejarah ini dipelihara kerana selain menjadi dekorasi dengan nilai estetikanya tersendiri, pemuliharaannya menyuntik kelangsungan warisan sejarah agar dapat dihayati, dijawi, dipelajari nilai seninya dan dilestarikan bersama.

Kata Kunci: Pemuliharaan; Mural kaligrafi; Warisan seni; Budaya Melayu

# **Pemuliharaan Mural Kaligrafi Sebagai Warisan Seni dan Budaya Melayu: Satu Kajian Di Masjid-Masjid Sekitar Daerah Kuching, Sarawak**

*Mohd Azhar bin Ali  
amazhar@unimas.my  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian bagi mengetahui perancangan awal pemuliharaan mural kaligrafi yang terdapat di dinding-dinding masjid sekitar daerah Kuching, Sarawak. Mural kaligrafi merupakan satu cabang seni yang sinonim dalam warisan budaya Melayu dan banyak tertumpu di masjid-masjid. Keperluan pemuliharaan mural kaligrafi ini sering dipinggirkan ekoran kurangnya pengetahuan berkenaan kaedah penulisan dan bahan yang digunakan. Kajian ini mengetengahkan pendekatan bagi memulihara seni kaligrafi ini agar tidak lopus oleh modenisasi terutamanya yang telah wujud sejak awal pembinaan sesebuah masjid dan melibatkan sentuhan penulis kaligrafi yang hebat. Mural kaligrafi ini perlu dihargai sebagai bangunan sejarah ini dipelihara kerana selain menjadi dekorasi dengan nilai estetikanya tersendiri, pemuliharaannya menyuntik kelangsungan warisan sejarah agar dapat dihayati, dijawi, dipelajari nilai seninya dan dilestarikan bersama.

**Kata Kunci:** Pemuliharaan; Mural Kaligrafi; Warisan Seni; Budaya Melayu

## **PENGENALAN**

Bahasa Melayu merupakan antara beberapa bahasa yang unik kerana boleh ditulis dalam dua jenis tulisan, iaitu tulisan Rumi dan Jawi. Tulisan Jawi yang berasal daripada tulisan Arab telah digunakan sejak 700 tahun dahulu. Bahkan sekitar abad ke-15 hingga abad ke-18 ia digunakan dalam urusan rasmi kerajaan. Tradisi keintelektualan Melayu menerusi manuskrip Melayu klasik dalam pelbagai bidang ilmu juga telah ditulis menggunakan tulisan Melayu (Muhammad Hanapi Jamaludin, 2017). Kepenggunaannya pada ketika itu masih dianggap penting sekalipun dalam berurusan dengan bangsa-bangsa penjajah asing. Sebagai contoh, Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Syah berutus surat dengan kerajaan Inggeris menggunakan tulisan Jawi. Manakala pengisytiharaan Tanah Melayu turut ditulis dengan tulisan Jawi Nasakh oleh pakar khat dari Kelantan. Tulisan Jawi ini bukan sekadar wasilah karya tulis ilmu bahkan ia berkembang menjadi salah satu cabang seni rupa yang unggul dan terus berkembang serta semakin mendapat tempat dalam masyarakat.

Pembinaan masjid adalah manifestasi kepada kewujudan dan perkembangan sesebuah komuniti Muslim setempat. Kewujudan masjid tidak lagi hanya terhad sebagai tempat ibadah namun, berperanan juga sebagai pusat aktiviti dan kebudayaan yang menjadi warisan kepada masyarakat Muslim setempat khasnya dan sekeliling amnya. Penulisan seni kaligrafi (khat) menyerlahkan lagi kehalusan serta keindahan karya tulis ini dan amat sinonim kepada budaya Melayu sejak turun temurun yang menggunakan seni ini untuk menghiasi rumah-rumah. Kesenianya telah menambah nilai estetika bangunan terutamanya di masjid-masjid dan surau-surau.

Seni kaligrafi (khat) dan tulisan jawi kedua-duanya ialah elemen warisan kebangsaan Malaysia. Kewujudannya perlu diperkasakan agar tidak hanya kekal menjadi satu perlambangan dalam citra kehidupan rakyat Malaysia. Tetapi menjadi satu ilmu yang boleh dikongsi bersama oleh semua kaum dan agama di Malaysia sebagai satu budaya kebangsaan Malaysia.

Sehingga ke hari ini, terutamanya di masjid-masjid di bahagian Kuching, Sarawak masih banyak lagi yang mengekalkan seni kaligrafi (khat) mural yang lebih menonjol berbanding dengan kaligrafi ukiran kayu, plastik lutsinar, tembaga dan lain-lain. Sungguhpun begitu, seni mural kaligrafi sedia ada ini, jarang diberi perhatian dari sudut penjaagannya serta pemuliharaannya sehingga ada yang nampak pudar. Bahkan sebahagian ayat-ayat tertentu sudah tidak kelihatan atau lekang

## **SOROTAN LITERATUR**

Kaligrafi secara umumnya mempunyai maksud seni penulisan yang indah. Perkataan kaligrafi ini berasal dari Bahasa Yunani iaitu *kalios* yang bererti indah dan *graphia* yang bererti tulisan (D.A. Girling (ed), 1978; Akbar, Ali (1995). Seni kaligrafi adalah antara salah satu seni yang indah dan halus, sangat dihargai serta mempunyai kedudukan yang istimewa kepada umat Islam.

Kebanyakan kajian tentang seni kaligrafi lebih tertumpu di Semenanjung Malaysia dalam beberapa aspek. Antaranya berkaitan perkembangan seni kaligrafi (C. Israr, 1985), tokoh-tokoh seni kaligrafi tempatan (Abdul Rahman C.M., 1982), bentuk-bentuk tulisan yang digunakan (Makmur Haji Harun (et al), 2014), bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilan tulisan kaligrafi dan lain-lain. Kajian tentang seni mural kaligrafi amat kurang diberi perhatian memandangkan kebanyakan masjid tidak lagi menggunakan teknik ini untuk menghiasi dinding-dinding masjid. Mungkin juga terdapat masjid-masjid lama yang menggunakan mural kaligrafi pada awal pembinaannya kemudian dihapus guna kerana pengubahsuaian masjid dan akhirnya diganti dengan teknik-teknik baru yang lebih tahan lama dan mudah untuk diselenggarakan.

Para penyelidik terdahulu mengetengahkan satu penemuan yang menarik berkenaan perhubungan di antara masyarakat dan bangunan. Keadaan dan kualiti bangunan didapati berupaya menggambarkan imej sesebuah masyarakat, tahap kehidupan dan sikap perlakuan sama ada pada masa lalu mahu pun masa kini yang bergabung bagi membentuk suatu karakter masyarakat yang unik (Fielden, 2003). Mengikut kajian juga, kebanyakan manusia menghabiskan 95% daripada masanya di dalam bangunan atau berdekatan bangunan (Wordsworth, 2001). Oleh yang demikian, peranan seni kaligrafi ini dilihat sebagai sesuatu yang menyuntik nilai tambah kepada sesebuah bangunan terutamanya masjid-masjid yang mencetuskan rasa tenang dan damai bagi pengunjungnya.

Penghasilan mural kaligrafi di masjid-masjid ini memerlukan ketekunan dan ketabahan kerana penulisannya memakan masa yang panjang untuk menyiapkannya (M. Ugur Derman, 2000). Di samping itu, penghasilannya memerlukan keberanian kerana seringkali melibatkan tempat-tempat tinggi yang tidak semua penulis sanggup untuk melakukannya. Oleh itu, masjid-masjid yang menerima sentuhan mural kaligrafi ini bukan sahaja menggambarkan memori yang dirakamkan ketika tahun-tahun awal proses pembinaan masjid berkenaan tetapi juga mempunyai nilai khazanah bangsa yang tinggi yang tersirat di dalamnya.

Kesedaran mengenai kepentingan terhadap usaha pemuliharaan satu-satu warisan itu adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat (Abdul Latiff Abu Bakar, 2000; Astro Awani, 2015). Pemuliharaan warisan itu penting kerana boleh menimbulkan perasaan adanya sejarah dan identiti kepada penduduk sesebuah kawasan (Abdul Aziz Hussin, 2011). Walaubagaimanapun, pemuliharaan dan pembaharuan yang menjurus khusus kepada mural kaligrafi ini agak terpencil dan tiada perincian yang jelas dari segi proses, tempoh, kriteria maupun pihak yang dipertanggungjawabkan untuk memantau atau menilai tahap keperluan pemuliharaannya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah bagi mengetengahkan beberapa aspek berikut :

- Mengenalpasti keperluan dan kepentingan memulihara mural kaligrafi kepada kelangsungan warisan budaya
- Meneliti proses dan kaedah pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berwajib
- Mengenalpasti cabaran dan halangan dalam pemuliharaan mural kaligrafi

## **PERMASALAHAN**

Permasalahan kajian memfokuskan kepada isu:

- Adakah pemeliharaan mural kaligrafi ini penting sebagai dekorasi seni bina yang berharga?
- Apakah proses atau kaedah yang telah dilakukan atau boleh dilakukan dalam aktiviti pemuliharaan mural kaligrafi sebagai sebahagian daripada aspek bangunan warisan?
- Bagaimana pemuliharaan keunikan dan keaslian seni mural kaligrafi ini boleh memupuk kesedaran terhadap pemuliharaan bersama khazanah warisan bangsa?

## **KAEDAH KAJIAN**

Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi tujuan mendapatkan data, membina kefahaman serta menentusahkan penemuan. Kaedah utama ialah melalui kajian lapangan sekitar Zon 8 Kuching, senarai semakan dan pemerhatian oleh penyelidik yang telah berkecimpung dalam arena penulisan kaligrafi selama 30 tahun terutamanya mural.

Di samping itu, hasil dapatan juga diperincikan melalui temu bual berstruktur yang melibatkan individu-individu yang telah dikenal pasti terutamanya yang terlibat secara langsung kepada hal-hal yang berkaitan pengurusan masjid. Antaranya:

- Kaligrafer-kaligrafer asal yang terlibat secara langsung dalam penulisan kaligrafi di masjid-masjid dalam kawasan kajian
- Pihak ahli jawatankuasa masjid
- Masyarakat setempat
- Pihak Institusi Kemajuan Masjid, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

Maklumat dan dapatan juga diperolehi melalui rujukan sumber-sumber ilmiah seperti artikel jurnal, ensiklopedia, penemuan dan kajian penyelidik terdahulu serta penulisan-penulisan sejarah warisan negeri Sarawak.

## **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan 65 buah masjid di sekitar Kuching, hanya 26 buah masjid yang menepati kedua-dua kriteria yang digariskan sebagai panduan kepada skop sampel kajian seperti berikut:

- Masjid-masjid lama yang dibina sekitar tahun 90-an; dan
- Masjid-masjid dihiasi dengan mural kaligrafi tulisan tangan

Hasil daripada senarai semakan dan pemerhatian ketika kajian lapangan dapat dikategorikan seperti berikut:

### **KAJIAN LAPANGAN**

- **Penulisan seni mural kaligrafi sebagai dekorasi seni bina yang berharga**

Hasil tinjauan, pemerhatian dan lawatan tapak, didapati 19 buah masjid daripada 26 buah hanya mempunyai mural kaligrafi yang sangat minima dan terdapat di ruang utama sahaja seperti di hadapan mihrab, mimbar, pintu masuk dan keluar masjid. Kebanyakan ayat-ayat yang ditulis ialah yang berkaitan memakmurkan masjid, niat iktikaf, doa masuk dan keluar masjid dan lain-lain. Tulisan-tulisan itu ditulis oleh jemaah setempat yang mempunyai sedikit pengetahuan tentang seni khat. Berdasarkan lawatan tapak dan pengamatan penulis, ayat-ayat yang ditulis juga ditiru daripada seniman-seniman kaligrafi berdasarkan sistem tata letak ayat, baris serta hiasan ayat serta dekorasi bunga ayat yang serupa.

Manakala baki 7 daripada 26 buah masjid ini mempunyai dekorasi mural kaligrafi yang indah dengan seni penulisan kreatif yang memenuhi ruang dalam dan luar masjid. Masjid-masjid yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- Masjid Darul Muttaqin, Buntal
- Masjid Demak Baru, Petra Jaya
- Masjid Khalid bin Al-Walid, Kem Batu Kawa
- Masjid Darul Qarar, Jalan Ajibah Abol
- Masjid Al-Muhajirin, Taman Matang Jaya
- Masjid Darul Salam, Matang II
- Masjid Darul Hana', Patingan

Mural kaligrafi yang terdapat di tujuh masjid yang disenaraipendek merupakan dekorasi seni yang berharga serta yang jarang didapati. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi mural kaligrafi yang terdapat di masjid-masjid sekitar bandaraya Kuching berbanding masjid-masjid yang telah disenaraikan. Ini menggambarkan wujudnya kesedaran masyarakat setempat untuk mengindahkan masjid dengan mural kaligrafi dan mendapat penajaan bagi menampung kos penulisannya. Rujuk **LAMPIRAN A: Contoh Mural Kaligrafi**

- **Jenis-jenis Kaligrafi dan Corak Tumpuan Penulisan**

Pelbagai sentuhan idea-idea kreatif penulis-penulis ini dapat dilihat di pelbagai sudut di bahagian dalam dan luar masjid-masjid dalam sampel kajian, termasuk juga sudut-sudut yang sukar seperti di lengkungan bahagian mihrab, kubah dan pintu masuk masjid. Kecenderungan jenis penulisan kaligrafi yang dipilih ini adalah seperti berikut:

**JADUAL 1:**

**Senarai Jenis Kaligrafi Yang Digunakan Untuk Mural Di Masjid-Masjid Dalam Kajian**

Bil	Jenis Kaligrafi	Ruang Tumpuan Penulisan
i	Khat Thuluth	kebanyakan ruang terutamanya di bahagian hadapan serta kiri kanan dinding masjid
ii	Khat Ijazah	bahagian dinding hadapan (ditulis di bawah Khat Thuluth)
iii	Khat Diwani Jaliy	kebanyakan sudut yang melengkung
iv	Khat Nasakh	bahagian hadapan dan belakang
v	Khat Kufi	sekeliling masjid
vi	Khat Farisi	bahagian hadapan, kiri dan kanan dinding masjid

Hasil penemuan ini mendapati kombinasi warna yang baik, pembagian bidang yang laras, serta kaligrafinya dengan berbagai variasi dari jenis-jenis tulisan khat yang cukup dikuasai oleh tenaga-tenaga yang mengerjakannya, menyebabkan hasilnya merupakan sesuatu seni khat yang mengagumkan.

- **Tahap Keperluan Pemuliharaan Mural Kaligrafi**

Keadaan mural kaligrafi ini boleh difokuskan kepada tahap keperluan pemuliharaan. Rujuk **LAMPIRAN B: Contoh Mural Kaligrafi Yang Memerlukan Pemuliharaan**.

**JADUAL 2:**

**Tahap Keperluan Pemuliharaan Mural Kaligrafi Masjid-Masjid Dalam Kawasan Kajian**

Bil	Penerangan Tahap Keperluan Pemuliharaan
i.	4 buah masjid dikenalpasti memerlukan <b>baik pulih</b> . Tulisan serta dekorasi masjid sudah mulai pudar, bahkan terdapat ayat-ayat tertentu sudah mulai hilang atau lekang terutamanya di bahagian-bahagian masjid yang sudah mengalami keretakan serta serapan air hujan. Masjid-masjid tersebut ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid Darul Muttaqin (ditulis pada tahun 1997)</li> <li>• Masjid Demak Baru (ditulis pada tahun 1992)</li> <li>• Masjid Al-Muhajirin, Matang Jaya (ditulis pada tahun 2006)</li> <li>• Masjid Darul Salam, Matang II (ditulis tahun 2008)</li> </ul>
ii.	22 masjid yang lain memerlukan pendekatan <b>pemuliharaan awal</b> . Tulisan serta dekorasi masjid mengalami tahap pudar yang sederhana dan selainnya masih utuh.

### **TEMUBUAL**

Pendekatan temubual berstruktur dengan pihak-pihak berwajib dan masyarakat setempat bagi mendalami beberapa perkara:

- Menjejaki latar belakang penulis asal mural kaligrafi di masjid berkaitan
- Mengenalpasti usia mural kaligrafi yang ditulis dan jangkaan masa mural berkenaan sudah mulai pudar
- Mengumpul maklumat berhubung kaedah atau pendekatan yang telah dan boleh dilaksanakan bagi memulihara mural kaligrafi yang sedia ada
- Mendapatkan maklumbalas sekiranya kaligrafi yang ditulis ini dikenali jenis-jenisnya.

### **Hasil Karya**

Tinjauan serta soal selidik juga mendapati seni khat mural ini ditulis oleh penulis tempatan dan juga dari Indonesia. Masjid-masjid terlibat boleh dikatakan beruntung kerana mendapat sentuhan seniman kaligrafi Islami yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Berikut adalah senarai kaligrafer yang dimaksudkan:

- Kumpulan penulis mural kaligrafi yang diketuai oleh Ustaz Azhari Noor (Penulis khat terkenal dari Indonesia yang banyak menulis di masjid-masjid besar di Indonesia termasuk di Masjid Agung Al-Azhar, Kebayoran Baru, Jakarta, Indonesia)
- Kumpulan penulis mural kaligrafi yang diketuai oleh Ustaz Isep Misbah (Penulis al-Quran Indonesia yang juga merupakan Johan pertandingan kaligrafi peringkat antarabangsa serta Pengarah Noqtah Art)
- Ustaz Abdul Salam (Penulis khat yang berkhidmat di Unit Dakwah JAIS yang juga merupakan Naib Johan pertandingan khat peringkat kebangsaan pada tahun 2013 serta Hakim Seni Khat Antarabangsa IPG Batu Lintang-2015 & 2016)

### **Nilai Sejarah**

Terdapat seni khat mural khususnya di Masjid Demak Baru yang ditulis oleh penggiat seni khat terkenal dari Indonesia yang sering mendapat undangan pemerintah Indonesia, untuk menulis khat di Masjid-Masjid besar di Indonesia termasuk di Masjid Agung Demak, dan Masjid Agung Al-Azhar Indonesia.

Masjid Demak Baru ini telah mengambil konsep binaan Masjid Agung Demak, Indonesia yang diasaskan oleh wali Songo. Selain itu jalan-jalan di sekitarnya juga telah mengambil nama wali Songo seperti Jalan Sunan Kalijaga, Sunan Jati, Sunan Drajat dan lain-lain. Dekorasi dan seni khatnya juga ditulis oleh kaligrafer yang sama iaitu Ustaz Azhari Noor.

### **Jangkaan Hayat Mural Kaligrafi**

Terdapat mural kaligrafi yang mengalami kerosakan dan semakin pudar setelah berusia 20 tahun dan ada juga seawal usia 10 tahun. Antara faktor yang dikenalpasti adalah kerana kelembapan dinding, rekahan-rekahan kecil dan cat asal dinding yang kurang berkualiti.

Kebanyakan ruangan-ruangan di dalam masjid yang tidak terdedah secara langsung dengan sinaran matahari dan air hujan, mural kaligrafinya masih utuh walaupun telah berusia lebih 28 tahun. Kerosakan pada mural ini dapat dielakkan sekiranya wujud kesedaran awal dan keprihatinan pihak yang berkenaan.

### **Pemuliharaan Yang Telah Atau Bakal Dilaksanakan**

Hasil tinjauan dan temubual juga mendapati terdapat pengurusan masjid yang telah mengambil inisiatif sendiri dengan mengecat semula bahagian-bahagian yang pudar seperti yang dilakukan di Masjid At-Taqwa, Gita. Walau bagaimanapun, setelah diselidik, pemuliharaan tersebut dilaksanakan kerana mural tersebut melibatkan ruang dinding yang rendah.

### **Kefahaman Jenis-Jenis Tulisan Seni Khat**

Kebanyakan pihak pengurusan masjid tidak mengetahui jenis-jenis tulisan seni khat dan tidak dapat membezakan mana yang cantik mengikut kaedah penulisan seni khat yang sebenar. Ini menyebabkan berlaku banyak kesilapan penulisan seperti sistem tata letak ayat, cara menyambung huruf, bahkan berlaku kesilapan yang besar seperti kesalahan meletak baris ayat-ayat Al-Quran dan ada juga yang tertinggal huruf atau ayat.

Perkara ini agak merisaukan kerana ekoran kurangnya kefahaman, kesilapan sebegini tidak disedari oleh masyarakat setempat dan tiada pihak yang memperbetulkannya.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

### **Keperluan dan kepentingan memulihara mural kaligrafi kepada kelangsungan warisan budaya**

Pihak pengurusan masjid hendaklah peka terhadap tulisan terutamanya melibatkan kaligrafi khat mural dan menganggapnya sebagai sebahagian daripada aspek penting yang sentiasa perlu dijaga dan dipulihara.

Pihak JAIS pula hendaklah mengenal pasti terutamanya masjid-masjid yang mempunyai aras nilai seni khat tinggi dalam usaha mengekal dan membaik pulih kerosakan yang berlaku terhadap tulisan. Pendekatan lebih aktif pihak JAIS juga dalam menjalankan pemantauan berkala terutamanya masjid yang mempunyai dekorasi dan seni mural kaligrafi boleh membawa kepada langkah-langkah awal pemuliharaan, terutamanya bagi masjid-masjid yang telah berusia melebihi 20 tahun.

Di samping itu, maklumat serta hebahan perlu disampaikan oleh pihak JAIS ke pengetahuan pihak pengurusan masjid berhubung sumber rujukan dan senarai penulis kaligrafi bagi membendung daripada berulangnya kesilapan dan kesalahan dalam penulisan.

### **Pendekatan pemuliharaan bersama**

Sebagai usaha memasyarakatkan Universiti, pihak universiti tempatan seperti UNIMAS dan UiTM Kampus Kota Samarahan melalui Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif disarankan untuk menjalankan kolaborasi bersama JAIS bagi mengenalpasti serta membaik pulih mana-mana tulisan serta dekorasi yang telah pudar dan rosak. Selain itu, kolaborasi ini dengan kepakaran masing-masing dibantu oleh pelajar-pelajar seni boleh dikembangkan kepada masjid-masjid yang belum atau kurang dari segi penulisan seni khat.

### **Pendekatan menangani cabaran dan halangan dalam pemuliharaan mural kaligrafi**

Secara amnya, bagi memastikan pelaksanaan pengurusan dan pemuliharaan mural kaligrafi yang berkesan di Masjid-Masjid sekitar Zon 8 Kuching, pendekatan berikut diusulkan :

- Garis panduan atau tatacara yang memadai untuk perancangan, pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah awal pemeliharaan mural kaligrafi
- Pentadbiran dan struktur kewangan yang kukuh
- Mempunyai proses penyertaan masyarakat setempat atau pihak-pihak yang berkepentingan
- Mempunyai suatu budaya berpengetahuan (kefahaman dan kesedaran)
- Keupayaan atau kesediaan untuk menyesuaikan tindakan kepada keadaan yang sentiasa berubah.

Cadangan-cadangan di atas mungkin perlu diteliti khususnya dalam menangani keperluan pemuliharaan di kawasan kajian. Seandainya cadangan tersebut tidak mampu mengatasi isu dan cabaran masjid-masjid di kawasan kajian, setidak-tidaknya ia mampu meminimumkannya. Mural kaligrafi merupakan salah satu teknik penulisan seni khat yang diadaptasikan oleh pengurusan masjid-masjid di Zon 8 Kuching, Sarawak. Masjid-masjid yang dibina era 90-an banyak menggunakan kaligrafi mural berbanding teknik lain seperti ukiran kayu, menggunakan logam, jubin dan *mozac, gypsum* dan yang terkini, “*Islamic Wall Paper*”. Seni mural kaligrafi wajar dikekalkan dan dipertahankan sebagai salah satu warisan seni budaya Melayu mengikut zamannya yang masih kekal hingga ke hari ini. Semoga warisan budaya ini menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan warisan di Sarawak.

## **RUJUKAN**

- “Selamatkan Mural DBP”. (15 Mac 2015) Kuala Lumpur: Astro Awani
- Abdul Aziz Hussin. (2011). Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Abdul Latiff Abu Bakar, (2000). Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun Dalam Gendang Nusantara. Media dan Seni Warisan Melayu Serumpun dalam Gendang Nusantara. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya & Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah
- Abdul Rahman C.M. (1982). Ustaz Embab: Penulis Khat Terengganu. Dewan Budaya, 4, 6(31)
- Akbar, Ali, (1995). *KALIGRAFI ISLAM*. Indonesia: Pustaka Firdaus Jakarta.
- Baba, Kamil (1983). *Ruh al-Khat al-‘Arabi*, Beirut: Dar al-‘Ilm wa al-Malayin
- C. Israr, (1985). *dari Teks Klasik sampai ke Kaligrafi Arab*, Jakarta: Yayasan Masagung.
- Fielden, B.M. (2003). *Conservation of Historic Building*. London: Architectural Press.
- Girling, D.A., (ed.). (1978). Eryman’s encyclopedia. London: JM. Dent & Sons Ltd
- Haji Harun, Makmur & Bukhari, Muhammad. (2014). Corak Seni Khat Ukir Nusantara: Kajian perbandingan karya ukiran kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia). Journal of Art and Art Education. Vol. 2. 31-49.
- Hasyim Muhammadal-Baghdadi, (1980). *Qawaид al-Khat al-Araby*, Beirut: Dar al-Qalam
- M. Ugur, Derman, (2000). *Seni Khat Warisan Islam* (Terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhamad Hanapi Jamaludin, (2017). Tulisan Jawi Wadah Pemersatu dan Perakam Rasa Tamadun Melayu, Pelita Bahasa, 7, 12-15
- Wordsworth P. (2001). *Lee’s Building Maintenance Management*. Oxford : Blackwell Science.

## **LAMPIRAN A: Contoh Kaligrafi**

### **Masjid Khalid Al-Walid, Kem Batu Kawa**




Ilustrasi A-1



Ilustrasi A-2

### Masjid Darul Hana' Patingan



Ilustrasi A-3



Ilustrasi A-4

**Masjid Darul Muttaqin Buntal**



Ilustrasi A-5

**Masjid Ikhwanul Islam, Taman Sukma**



Ilustrasi A-6

**Masjid Demak Jaya**



Ilustrasi A-7



Ilustrasi A-8

**LAMPIRAN B: Contoh Mural Kaligrafi Yang Memerlukan Pemuliharaan:**

**Masjid Matang II**




Ilustrasi B-1

**Masjid Al-Muttaqin Buntal II**



Ilustrasi B-2

### **Masjid Demak Java**



Ilustrasi B-3